

Kenderaan baharu bantu HUMS tingkat perkhidmatan kesihatan

UB 19.09.2023 P.03

KOTA KINABALU: Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) telah menerima peruntukan pembelian kenderaan baharu bagi kegunaan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat luar bandar khususnya di Sabah.

Pembelian kenderaan ini selaras dengan pendekatan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui program KPT Prihatin Madani.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata program KPT Prihatin Madani merupakan inisiatif KPT sejak tahun 2021 iaitu pelaksanaan program Klinik Bergerak dan program jangkauan.

“Pelaksanaan program ini khususnya di Sabah telah memberikan tanggungjawab kepada HUMS untuk melaksanakan program ini.

“Ia melibatkan kesihatan komuniti golongan sasaran

terutama golongan luar bandar atau pedalaman serta komuniti B40 yang jauh dari fasiliti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Kenderaan HUMS di pekarangan Pusat Rawatan Warga (PRW), baru-baru ini.

Kasim turut memaklumkan, sebanyak RM3 juta yang diperolehi daripada KPT banyak membantu operasi kesihatan komuniti luar bandar.

“Dengan RM3 juta ini juga, sebahagian perbelanjaan ialah dengan membeli kenderaan yang akan membawa pasukan perubatan dan barang kesihatan yang diperlukan komuniti di pedalaman,” katanya.

Tambah beliau, usaha ini mencapai salah satu objektif utama penubuhan HUMS iaitu peka komuniti, yang melibatkan merintis perkhidmatan atau aktiviti kesihatan

khusus komuniti.

“Oleh yang demikian, inisiatif bagi membantu komuniti luar bandar adalah satu inisiatif murni dan harus dijayakan dan diteruskan,” katanya.

Untuk rekod, sehingga kini kenderaan yang telah dibeli HUMS antaranya ialah coaster, lori untuk klinik bergerak, dua pacuan empat roda, van penumpang, van untuk klinik bergerak dan van untuk klinik pergisian bergerak.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Ir Dr. Rosalam Hj. Sarbatly; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Madya Dr. Raman Noordin; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Pengarah HUMS, Profesor Dr. Helen Benedict Lasimbang dan Ketua Pustakawan UMS, Md Sazali Md Salleh.



RASMI: Kasim merasmikan kenderaan baharu HUMS yang akan diguna untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan.